

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mendapatkan IL Critical Illness Plus Assure Rider. Pastikan terma dan syarat am telah dibaca.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) ("Syarikat")  
Nama Produk : IL Critical Illness Plus Assure Rider  
Tarikh : <dd/mm/yyyy>

---

### 1. Apakah produk ini?

IL Critical Illness Plus Assure Rider ialah rider dengan penolakan unit yang menyediakan perlindungan jika salah satu daripada kejadian yang dilindungi berlaku. Rider ini tidak akan menjejaskan jumlah asurans pelan asas.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah asurans bagi rider ini ialah RM<Rider Sum Assured>. Ia akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus apabila salah satu daripada kejadian yang dilindungi seperti disenaraikan dalam kontrak polisi (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari\*, iaitu pembayaran tuntutan adalah 10% daripada jumlah asurans rider, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap hayat).

Jumlah asurans rider akan dibayar hanya jika Hayat yang Diasuranskan masih hidup selepas empat belas (14) hari setelah didiagnosis dengan Kejadian yang Dilindungi.

\*Selepas tuntutan ke atas Angioplasti and rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, jumlah asurans rider akan dikurangkan sewajarnya. Sebagai tambahan, tuntutan ke atas kejadian yang dilindungi lain masih dibenarkan, tertakluk pada baki amaun jumlah asurans rider.

Bagi hayat yang diasuranskan di bawah umur 5 tahun hari jadi berikut, lien kanak-kanak akan dikenakan.

Tempoh perlindungan: <Term of Rider> tahun atau sehingga penamatan rider ini atau pelan asas, mana yang berlaku dahulu.

### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Tidak berkenaan bagi rider dengan penolakan unit. Sila rujuk soalan 4 di bawah untuk caj insurans.

### 4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- Kadar caj insurans adalah dijamin.
- Caj insurans ditolak secara bulanan daripada nilai unit anda dan akan meningkat mengikut umur anda. Huraian caj insurans dan caj lain bagi pelan insurans berkaitan pelaburan ('ILP') dinyatakan dalam ilustrasi jualan.

### 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Kepentingan untuk membuat pendedahan - Anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh memerhati bebas - Anda boleh membatalkan rider dalam tempoh 15 hari selepas menerima polisi insurans. Syarikat akan menguatkuasakan semula unit yang telah ditolak bagi pembayaran caj insurans setelah menolak sebarang bayaran perubatan yang ditanggung.
- Polisi luput - Rider ini akan luput apabila nilai unit pelaburan tidak mencukupi bagi membayar caj insurans.
- Tempoh menunggu - Kelayakan untuk manfaat kejadian yang dilindungi hanya akan bermula 30 hari atau 60 hari (bergantung pada jenis kejadian yang dilindungi) selepas tarikh berkuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula rider ini, mana yang kemudian.
- Prosedur tuntutan – Sila layari [greateasternlife.com/my](http://greateasternlife.com/my) bagi maklumat lebih lanjut berkenaan prosedur tuntutan Syarikat.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah rider ini.

### 6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?

- Sakit sedia ada.
- Kejadian yang dilindungi akibat kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
- Kejadian yang dilindungi yang disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
- Kejadian yang dilindungi yang disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah rider ini.

### 7. Bolehkah saya membatalkan rider ini?

Anda boleh membatalkan rider ini dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat.

### 8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda dengan sepatutnya.

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD** (93745-A)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Menara Great Eastern,  
303, Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.  
Tel : +603 4259 8888  
Faks : +603 4259 8000  
Customer Service Careline : 1300-1300 88  
E-mel : [wecare-my@greataeasternlife.com](mailto:wecare-my@greataeasternlife.com)

**10. Apakah jenis pelan lain yang serupa?**

Sila semak dengan pengantara anda atau terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis pelan lain yang serupa.

**NOTA PENTING:**

**ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA RIDER INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Syarikat atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Untuk maklumat berkenaan pemprosesan data peribadi dan hak anda ke atas data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi yang dipaparkan dalam laman web [greataeasternlife.com](http://greataeasternlife.com), atau dapatkan salinan dari Pegawai Perkhidmatan kami.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.